

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 11/04/16

Bismillahirrahmanirrahim

Seperti yang telah disebutkan dalam artikel sebelum ini, bahawa Allah s.w.t telah memberikan berbagai nama gelaran pada kepimpinan manusia, contohnya Nabi Adam a.s disebut sebagai khalifah, Nabi Ibrahim a.s digelar Imam, sedangkan keturunan daripada Nabi Ibrahim a.s seperti Nabi Yusuff a.s, Thalut, Nabi Daud a.s dan Nabi Sulaiman a.s digelar al-Mulk atau raja.

Disebut tentang zaman Nabi-nabi Bani Israel dahulukala, ramai dari kalangan rajanya berketurunan daripada Yahuda bin Ya'qub bin Ishak bin Ibrahim a.s. Yahuda atau Ra'sun adalah putera tertua Nabi Ya'qub a.s, keturunannya yang digelar Yahudi, menjadi cabang Bani Israel yang terbesar dan berprofil tinggi.

Pemerhatian pada kerajaan-kerajaan Bani Israel menunjukkan wujud kepimpinan raja dan Nabi yang berasingan, raja menjaga aspek pembangunan zahiriyah sedangkan Nabi menjadi pembimbing kerohanian rakyat. Contohnya Nabi Ayyub a.s yang telah melahirkan dua orang putera, Heymel kemudiannya menjadi raja bagi kaumnya sedangkan adiknya Zulkifli a.s dipilih Allah s.w.t sebagai Nabi. Contoh lain ialah Nabi Sameul a.s yang membimbing jalan kerohanian Bani Israel sedangkan Thalut diangkat sebagai raja mereka.

Dikecualikan bagi Nabi Yusuff, Nabi Daud dan Nabi Sulaiman yang merupakan raja-raja yang memiliki kerajaan jasmani selain menjadi pembimbing spiritualisme kepada Bani Israel dalam peranan sebagai Rasul-rasul pilihan Allah.

Terjadi peristiwa kerosakan akhlak ke atas Bani Israel, perilaku penyimpangan daripada kitab Taurat, kecenderungan menyembah berhala, bermaharajalela dalam maksiat, mengganas dan membunuh tanpa hak. Hal ini menyebabkan turunnya murka Allah sehingga bala menimpa kerajaan Bani Israel dan harta mereka dirampas oleh musuh, termasuk kitab Taurat.

Pada masa itu atas perintah Allah diangkatlah Thalut sebagai raja, beliau daripada keturunan Bunyamin putera bongsu Nabi Ya'qub a.s. Raja Thalut kemudian memimpin angkatan Bani Israel untuk berperang dengan kaum gasar yang kuat, besar dan ganas, iaitu kaum Amalakit yang diperintah oleh rajanya Jalut, bersaiz gergasi dan sering mengancam Bani Israel.

Di sini terbitlah kisah sejarah Nabi-nabi yang terkenal, iaitu mengenai seorang anak kecil yang bernama Daud yang ditakdirkan Allah membunuh Raja Amalakit, gergasi Jalut yang amat kuat dan digeruni itu hanya dengan menggunakan sebilah lastik burung. Selepas Jalut berjaya dibunuh, maka pecalah perang diantara kedua belah pihak yang mana Allah s.w.t telah memberikan kemenangan kepada Bani Israel.

Selepas peristiwa tersebut, Daud dikahwinkan dengan anak perempuan Thalut. Allah s.w.t juga telah mengangkat baginda sebagai Nabi dan selepas kemangkatan Thalut, memerintahkan supaya kerajaannya diserahkan kepada Nabi Daud a.s. Pemerintahan Nabi Daud a.s dilanjutkan oleh puteranya Nabi Sulaiman

a.s yang dianugerahi Allah s.w.t mukjizat dalam bentuk kekuasaan atas binatang, kaum jin, malahan angin.

Disebut dalam kitab al-Quran (surah al-Kahfi) tentang sejarah seorang tokoh pemerintah agung yang terkenal bernama Iskandar Dzulkarnain. Baginda bukan sahaja seorang raja yang beriman, malah ada sumber yang mengatakan salah seorang penasihatnya adalah Nabi Khidir a.s sendiri! Raja Iskandar Dzulkarnain inilah yang telah mengurung makhluk perosak Yakjuj dan Makjuj dengan tembok besi yang kukuh. Ulama pernah menyebut tentang jangkauan wilayah jajahannya: *“Raja yang kekuasaannya mencakupi seluruh dunia ada empat: Dua mukmin iaitu Sulaiman bin Daud keturunan Nabi Ibrahim dan Iskandar Dzulkarnain, dan yang dua lagi kafir, iaitu Namrud bin Kan’an dan Nebuchadnazer.”* Malahan sejarah kerajaan-kerajaan dunia di timur dan barat banyak yang mencatatkan salasilah raja-rajanya adalah daripada baka Iskandar Dzulkarnain itu!

Rasulullah ﷺ sendiri berasal dari keturunan pemerintah Mekah. Nenek moyang baginda bernama Siti Hajar, isteri Nabi Ibrahim a.s, bonda Nabi Ismail a.s yang keduanya menjadi asbab perjumpaan air suci Zamzam di sebuah lembah gersang di bumi Arab, 40 hari perjalanan menaiki unta ke selatan dari bumi Kan’an, Palestin di utara. Di tapak tersebut jugalah Nabi Ibrahim a.s dan puteranya Nabi Ismail a.s membina Kaabah yang mulia atas perintah Allah s.w.t.

Semenjak peristiwa tersebut lembah yang asalnya bernama Becca, kemudian menjadi Mekah itu menjadi pusat tumpuan berjuta-juta umat manusia dari seluruh dunia Arab waktu itu, dan seluruh dunia pada hari ini sampai Hari Kiamat nanti.

Maka tidak hairanlah bahawa nenek-moyang Rasulullah ﷺ menjadi ketua-ketua di Mekah, dimulia dan diperbesarkan oleh kesemua kabilah-kabilah Arab waktu itu, apatah lagi Mekah pesat dengan kunjungan para pedagang dari berbagai penjuru dunia Arab, mereka datang dengan membawa berbagai komoditi serta melakukan ritual-ritual yang diadat mahupun diibadatkan secara turun temurun, tidak kiralah samada mereka dalam agama Tauhid mahupun yang menyembah berhala (kerana waktu itu Islam masih belum disempurnakan ajarannya).

Bermakna Rasulullah ﷺ sendiri berdarah daging daripada keturunan pemerintah Arab Mekah yang mulia lagikan terhormat. Dalam hal ini baginda sendiri bukan sahaja berperanan sebagai Rasul pilihan Allah Ta’ala untuk menyempurnakan risalah Nubuwwah, malahan menjadi ketua wilayah atau *Ulil Amri* apabila Allah Ta’ala mengurniakan Kota Madinah sebagai platform untuk baginda mendirikan sebuah politi Islam, menegakkan syariat, melaksanakan tugas dakwah tabligh serta *amar ma’ruf wa nahi mungkar* .

Namun Rasulullah ﷺ tidak pernah disebut sebagai raja tetapi adalah Nabi dan Rasul yang diutus menjaga kemaslahatan duniawi dan ukhrawi secara menyeluruh di seluruh alam mencakupi semua makhluk yang dapat menerima taklif undang-undang termasuk golongan jin. Dan dalam peranan sebagai pemimpin zahir dan batin, Rasulullah ﷺ telah mempamirkan ciri-ciri pembimbing dan negarawan yang terulung dan terunggul, mencapai keharmonian dalam menyeimbangkan kuasa dengan tuntutan keadilan dan nilai-nilai agama.

Kesimpulannya, tidak kiralah apa gelarnya, baik raja, khalifah, amir, malik, imam atau lain-lain, pokok pangkalnya Rasulullah ﷺ adalah ketua/pemimpin yang

terunggul dan teragung dalam bidang politik, ekonomi, tata negara, pertahanan, apatah lagi agama yang zahir dan batin, kerana telah diajar secara langsung oleh Allah s.w.t melalui wahyu, kerana baginda bersifat ummi, iaitu tidak tahu membaca dan menulis.

Wallahu 'alam bissawab. Bersambung ...